

# Mahathir bimbang rasuah di kalangan golongan berilmu

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**  
**UM 22 AUG 2005**

TRONOH 21 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyuarakan kebimbangan terhadap kejadian rasuah dan salah guna kuasa yang menular di kalangan golongan berilmu dan berkedudukan tinggi dalam kerajaan dan swasta.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, masalah berlaku kerana golongan berilmu tidak memiliki nilai hidup yang mulia sehingga mendorong mereka melakukan perbuatan yang tidak beretika.

"Kita fikir sudah cukup ilmu yang diberi semasa di universiti tetapi jenayah berlaku dalam masyarakat dan dilakukan oleh mereka yang berpelajaran (yang berada) di tempat tinggi dalam kerajaan dan swasta.

"Ini bukti ilmu itu sendiri jika disalah guna tidak bawa kebaikan, ia perlu disertai dengan nilai mulia kerana ia akan mencegah sebarang tarikan nafsu yang merosakkan diri dan masyarakat," katanya ketika berucap pada majlis Konvokesyen Kelima Universiti Teknologi Pe-

tronas (UTP) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Canselor UTP sehubungan itu meminta graduan supaya tidak gopoh mengejar kekayaan kerana sebagai bakal pemimpin mereka perlu menjadi teladan yang baik kepada orang bawahan dan belajar mengawal nafsu.

Beliau berkata, gejala rasuah semakin berlarutan jika masyarakat masih mengangap ia bukan satu perbuatan jenayah.

■ Lihat muka 2

# Mahathir bimbang rasuah di kalangan golongan berilmu

UM 22 AUG 2005

Yang jadi masalah ialah apabila menjadi budaya. Yang sedikit jadi bertambah.

"Kita akan ditekan dengan keperluan yang sepatutnya tidak ada, hinggakan nak dapat tempat di kubur pun kena bayar. Ini berlaku di negara lain," katanya.

Dr. Mahathir berkata, ada negara yang menjadikan rasuah sebagai budaya dan apabila ini berlaku sebuah negara itu tidak mungkin maju walaupun rakyat berilmu.

"Semua perbelanjaan akan menjadi begitu tinggi kerana sepanjang jalan kena hujur rasuah. Rakyat miskin akan menderita, rakyat akan terus miskin dan menjadi beban," katanya.

Katanya, ia bukan disebabkan nilai hidup mulia itu tidak disemai kerana usaha tersebut telah dimulakan dari rumah, sekolah dan universiti.

Beliau berkata, satu kajian psikologi perlu dilakukan ke atas pelajar tahun akhir universiti untuk mengenal pasti mereka yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan jenayah atau sebaliknya.

"Ada juga graduan yang terlalu gopoh hendak kaya tanpa mengira tatasusila dan budaya murni yang diamalkan semasa mereka di universiti," katanya.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir juga mahu graduan menggunakan ilmu yang dipelajari di universiti sebagai sandaran untuk kebaikan agama, bangsa dan negara.

"Rakyat yang berilmu dan berbudaya mulia akan memastikan negara terus maju. Alhamdulillah di Malaysia tabiat

rasuah ini belum begitu berleluasa kerana yang miskin masih berpeluang belajar di universiti dan mendapat kerja tinggi dan tidak ada tekanan daripada amalan rasuah.

"Tapi saya bimbang kehidupan akan menjadi masalah kalau rasuah diamalkan secara besar-besaran," katanya.